



EMBARGO: Tidak boleh dicetak atau disiarkan di mana-mana platform media sosial sebelum jam 12 tengah hari, 26 Disember 2024.

Untuk Terbitan Media

26 Disember 2024

SIARAN MEDIA

10.46 BILION LANGKAH DIREKODKAN TERTINGGI DALAM SEJARAH ACTIV@WORK CHALLENGE 2024

ALERT: 22,547 PEKERJA SERTAI TRANSFORMASI GAYA HIDUP SIHAT

KUALA LUMPUR – Program Activ@Work Challenge 2024 berjaya memecahkan rekod sedia ada dengan mencatatkan langkah terbanyak mencecah 10.46 bilion, jumlah tertinggi sejak penganjurannya pada 2018.

Program anjuran Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) dengan kerjasama BookDoc yang memasuki tahun keenam ini berjaya menarik penyertaan seramai 22,547 pekerja daripada 243 majikan daripada pelbagai sektor di seluruh negara.

PERKESO memaklumkan, pencapaian ini menunjukkan peningkatan memberangsangkan berbanding tahun-tahun sebelumnya di mana pada tahun 2023 sebanyak 8.95 bilion langkah dicatatkan, 2022 (4.90 bilion langkah), 2021 (5.53 bilion langkah), 2019 (8.55 bilion langkah) dan 2018 (3.09 bilion langkah).

“Program ini bukan sekadar cabaran, malah platform strategik untuk membina kesedaran kesihatan dan produktiviti tenaga kerja sekali gus memajukan kesejahteraan pekerja melalui pendekatan inovatif dan komprehensif.

“Program transformatif ini mendorong pekerja untuk mengamalkan gaya hidup aktif melalui cabaran *virtual step challenge* yang menilai purata langkah harian peserta sepanjang tempoh tiga bulan bermula 1 Julai hingga 30 September 2024.

“Aktiviti fizikal seperti berjalan kaki, larian, dan senaman di tempat kerja dianjurkan bagi mempertingkatkan tahap kesihatan pekerja serta memotivasi majikan untuk mengukuhkan peranan mereka sebagai pemangkin promosi kesihatan di organisasi masing-masing.

“Sebagai pengiktirafan ke atas pencapaian yang daripada peserta dan pihak majikan yang proaktif menyertai cabaran ini, PERKESO telah menawarkan pelbagai hadiah menarik meliputi trofi khas, sijil penyertaan, baucar peralatan sukan, serta peranti kesihatan digital dengan jumlah nilai keseluruhan mencecah RM50,000,” jelas PERKESO.

PERKESO memaklumkan bagi cabaran *Activ@Work* peringkat majikan untuk kategori *Sapphire* dimenangi oleh Centre West Industrial Supplies Sdn Bhd, diikuti oleh Qes (Asia-Pacific) Sdn Bhd, dan Halal Development Corporation Berhad.

“Sementara itu untuk segmen pekerja bagi kategori sama dijuarai oleh Raythen Chandran dari IAQ Solutions Sdn Bhd, diikuti Khairul Azman Harudin dari Paramount Property Development, dan Jennifer Lam dari MKH Resources Sdn Bhd.

“Manakala bagi segmen majikan kategori Emerald pula juara dan naib juara didominasi oleh Great Eastern General Insurance (Malaysia) Berhad dan tempat ketiga diraih oleh Petronas Chemicals Derivatives Sdn Bhd.

“Kategori pekerja untuk segmen sama juga turut dimenangi oleh pekerja dari Great Eastern General Insurance (Malaysia) Berhad bagi tempat pertama dan kedua iaitu Vijaya Letchime a/p Pakerysamy, Noor Irfan Abd Rahman dan tempat ketiga menjadi milik Azlan Ahmad Abdullah Muslim dari Cochlear Malaysia Sdn Bhd.

“Kategori Ruby untuk majikan dijuarai oleh Malaysia Marine and Heavy Engineering Sdn Bhd (MMHE) sementara tempat kedua dan ketiga dimenangi oleh Mr D.I.Y Trading Sdn Bhd. Bagi pekerja pula, Ong Sha Ne dari Alliance Bank Malaysia Berhad dinobatkan sebagai juara sementara dua wakil dari Dell Global Business Center Sdn Bhd menduduki tangga kedua dan ketiga iaitu Derrick Lim dan Chiun Yee Lim,” jelas PERKESO lagi.

Cabaran *Activ@Work* ini juga turut mendapat penglibatan sektor kerajaan dan untuk kali ini Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) Perlis menggondol tempat pertama dan JKN Kedah menduduki tempat kedua, diikuti Jabatan Keselamatan Kesihatan Pekerjaan Malaysia.

“Seterusnya, bagi kategori pekerja untuk segmen sama diungguli oleh Mohd Rosdi Azamuddin dari Lembaga Tabung Haji, sementara Nurul Ashikin Hashim dari JKN Perlis memenangi

tempat kedua, dan tempat ketiga Nur Sobahah Said daripada JKN Kedah,” ujar PERKESO dalam kenyataan di sini hari ini.

PERKESO optimis melalui pendekatan strategik dan kolaboratif seperti ini, budaya kerja yang sihat dapat direalisasikan, memberikan manfaat besar kepada pekerja, majikan, dan seterusnya menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara.

Tamat

###

Mengenai PERKESO

PERKESO, agensi Kerajaan yang menyediakan perlindungan sosial kepada pekerja swasta, Badan Berkanun/Kerajaan, bekerja sendiri dan suri rumah serta tanggungannya daripada keadaan luar jangka. Ia merangkumi kemalangan, hilang upaya, penyakit, kematian dan kehilangan pekerjaan. Perlindungan ini berkonsepkan insurans sosial dengan prinsip ‘Prihatin’ dan ‘*leaves no one behind*’. PERKESO beroperasi di 54 Pejabat, 5 Pusat Rehabilitasi dan 293 MYFutureJobs One Stop Center di Malaysia. Layari www.perkeso.gov.my atau hubungi Pusat Khidmat Pelanggan 1300 22 8000.

Dikeluarkan oleh:

Bahagian Komunikasi dan Hal Ehwal Korporat

26 Disember 2024

Untuk pertanyaan media, sila hubungi:

Ikliil Fatimah Kamal Redzuan

+6019-7107479

fatihah.redzuan@perkeso.gov.my